



Baginda banyak memainkan fungsi dan peranan yang akurtif menyokong usaha-usaha murni kerajaan Seri Paduka Ayahanda Baginda di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis dalam berbagai program dan aktiviti anjuran kerajaan dan masyarakat. Persefahaman serta hubungan Silatulrahim yang sungguh erat di antara Baginda dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pembesar-pembesar negeri, pemimpin-pemimpin kerajaan dan masyarakat tempatan menyaksikan berbagai aktiviti menarik makin mengorak langkah di negeri ini.



Dataran Sheikh Ahmad Kangar



Genting highland



Kuala Perlis



Dataran Merdeka Kangar

Baginda dikenali rakyat sebagai seorang Putera Raja yang ceria, peramah dan memiliki sikap pro-aktif, berkerja kuat dan berdisiplin dan mampu menerus dan memperkukuhkan kesinambungan institusi raja berpelembagaan yang efektif dan kontemporari di negeri ini sebagaimana Paduka Ayahanda Baginda.



Pantai Sungai Baru, Perlis

DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis, merupakan seorang insan yang sentiasa memberi sokongan padu dan mengiringi DYMM Tuanku Pemangku Raja ke pelbagai kegiatan, acara dan majlis, samada rasmi ataupun tidak. Penampilan Baginda yang sentiasa anggun telah menjadikan Baginda sebagai idola di kalangan wanita-wanita terutamanya di Negeri Perlis.







Di sebalik minat dan sifat penyayang kepada binatang-binatang peliharaan, DYTM Raja Puan Muda Perlis juga seorang yang berani. Baginda tidak gentar mengendali haiwan-haiwan peliharaan luar biasa seperti ular dan gajah.





Sifat Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Puan Muda yang mesra dan peramah menjadikan Baginda amat disenangi oleh rakan dan kenalan daripada pelbagai lapisan masyarakat dan pelbagai bangsa. Di kesempatan-kesempatan yang ada Baginda akan menganjur dan juga berangkat menghadiri majlis-majlis bagi merapatkan perhubungan silaturrahim dikalangan rakan-rakan.

